

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP PENGERUSI BARISAN NASIONAL MENG- GULUNG SIRI CERAMAH POLITIK MENERUSI RADIO MALAYSIA PADA 22HB OGOS, 1974

Saudara-saudara sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wataala Maha Kuasa kerana dapat berucap sekali lagi kepada saudara-saudara sekalian pada malam ini. Dua hari lagi, iaitu pada 24hb Ogos, saudara-saudara akan pergi mengundi. Sebelum saudara-saudara memutuskan calon-calon yang hendak diundi, saya suka memberi pesanan terakhir supaya saudara-saudara dapat membuat keputusan yang bijaksana dan sebaik-baiknya.

Saudara-saudara sekalian.

Pilihanraya umum yang diadakan lima tahun sekali sangatlah besar ertinya kepada negara yang mengamalkan pemerintahan demokrasi seperti Malaysia kita ini. Rakyat adalah diberi peluang memilih parti yang sesuai yang dapat memerintah negara dengan baik dan sempurna.

Kita di Malaysia telah mengadakan empat pilihanraya umum. Dalam masa tujuh belas tahun itu, Kerajaan Perikatan dulunya dan Kerajaan Barisan Nasional sekarang telah berusaha mewujudkan di negara kita suasana aman dan tenteram untuk rakyat berbagai kaum menikmati kehidupan yang sempurna.

Dalam negeri, kita telah berjaya membawa kejayaan kepada kehidupan rakyat dalam semua bidang. Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan-rancangan Malaysia yang akan berikutan adalah jaminan kepada pembangunan negara yang lebih pesat. Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat memberikan peluang kepada rakyat berbilang bangsa untuk menikmati kemakmuran negara dengan lebih adil dan saksama.

Di bidang luar negeri, kita telah berjaya meletakkan negara Malaysia di tempat yang tinggi di kalangan negara-negara dunia. Negara kita terkenal sebagai negara yang termaju di rantau Asia yang mengamalkan dasar luar negeri yang bebas dan berkecuali dan ingin bersahabat dengan semua negara tidak kira fahaman

politik atau sistem pentadbiran mereka. Di samping mempunyai perhubungan yang baik dengan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat, Soviet Union dan Republik Rakyat China, kita bersahabat baik dengan negara-negara Sosialis Eropah Timur dan negara-negara Islam. Gagasan menjadikan Wilayah Tenggara Asia kawasan aman, bebas dan berkecuali telah mengharumkan nama Malaysia sebagai negara yang mementingkan keamanan dunia.

Barisan Nasional ingin meneruskan kejayaan yang tercapai selama ini. Sungguhpun banyak perubahan telah berlaku di negara kita dalam masa tujuh belas tahun itu, terutama dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial, namun masih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk memperbaiki kehidupan rakyat. Oleh sebab itulah Kerajaan berkehendakkan mandat baru dari rakyat untuk meneruskan hasrat dan cita-citanya itu.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam kempen yang berjalan selama dua minggu yang lalu, sudah sayugianya kita dapat membuat kesimpulan tentang parti-parti yang bertanding dalam pilihanraya ini.

Pada amnya, parti-parti pembangkang tidak dapat mengemukakan dasar-dasar atau programme yang baik dan praktikal untuk menghadapi masalah-masalah negara sesuai dengan keadaan yang terdapat dalam negara kita. Mereka tidak dapat, umpamanya, mengemukakan dasar ekonomi dan sosial yang lebih baik dari Dasar Ekonomi Baru Kerajaan Barisan Nasional untuk menjamin kehidupan yang lebih adil dan saksama kepada rakyat. Bahkan mereka menerima dan menyokong Dasar Ekonomi Baru.

Parti Rakyat tidak dapat memberi kemakmuran kepada rakyat dengan dasar sosialismanya yang tidak sesuai dan bertentangan dengan kehidupan demokrasi yang kita amalkan sekarang. Parti Rakyat juga tidak dapat menjamin keselamatan negara. Ini jelas kerana Parti itu tidak pernah mengutuk perbuatan jahat penganas-penganas Komunis yang membunuh rakyat yang tidak berdosa, merosak harta benda dan ingin merampas kuasa Kerajaan dengan kekerasan.

Parti DAP dengan jelas menunjukkan bahawa ia telah kehabisan modal dalam kempennya. Oleh kerana itulah ia tidak silu-silu memainkan sentiman perkauman dengan menimbulkan issue-issue

sensitif seperti bahasa dan kebudayaan Cina untuk memancing undi. Dalam hal ini, saya seringkali menegaskan bahawa Kerajaan adalah menjamin hak sesuatu kaum dalam Perlembagaan. Kerajaan tidak akan membuat sesuatu yang melanggar Perlembagaan dan prinsip-prinsip Rukunegara. Saya harap rakyat tidak akan terpengaruh dengan dakwah DAP kerana saya percaya mereka cukup faham dan sedar akan bahaya perasaan perkauman yang ditimbulkan oleh parti DAP itu.

Parti Pekemas pula terang-terang mengakui bahawa mereka tidak akan berjaya memegang tampuk pemerintahan negara ini. Mereka hanya berharap akan menang beberapa kerusi untuk menjadi pembangkang. Pada saya, soal menjadi pembangkang adalah soal kedua. Yang utama ialah menjamin perpaduan negara yang kukuh iaitu yang menjadi asas kepada kestabilan politik dan keamanan negara.

Calun-calun SNAP di Sarawak memainkan issue parochial atau kedaerahan tanpa mementingkan perpaduan rakyat Malaysia seluruhnya. Rakyat Sarawak tidak mudah terpengaruh dengan slogan "Sarawak untuk rakyat Sarawak" kerana rakyat Sarawak telah merdeka dalam Malaysia dan mendapat banyak faedah berada dalam Malaysia. Kerajaan Campuran Sarawak di bawah pimpinan dinamis Datuk Abdul Rahman Yaakub telah membawa kemajuan besar kepada Sarawak dan saya yakin Sarawak akan mencapai kemakmuran yang berlebihan di bawah pimpinan Datuk Rahman. Taat setia pemimpin-pemimpin SNAP juga menjadi tanda tanya kerana selama ini mereka tidak menyatakan pendirian mereka mengenai tuntutan Brunei ke atas Limbang.

Calun-calun yang bertanding sebagai calun bebas tidak dapat memberi apa-apa jaminan kepada rakyat. Mereka ini kebanyakannya adalah orang-orang yang telah keluar dari partinya dulu kerana tidak terpilih sebagai calun atau hendak membalas dendam sementara yang lainnya hanya cuba mengadu nasib bermain politik. Mereka ini tidak mempunyai prinsip atau pendirian kerana tidak mempunyai parti dan lebih mementingkan diri sendiri daripada hendak berkhidmat kepada rakyat.

Dari itu, jelaslah kepada kita bahawa parti-parti pembangkang bukan sahaja tidak dapat memberi jaminan keselamatan, keamanan dan kemakmuran kepada rakyat dan negara, mereka juga tidak mempunyai pemimpin-pemimpin yang berkebolehan dan berpengalaman seperti Barisan Nasional untuk menubuhkan Kerajaan dan berkhidmat kepada rakyat.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana saya terangkan dalam rapat-rapat umum dan perjumpaan-perjumpaan dalam masa kempen pilihanraya di seluruh negara, Barisan Nasional berkehendak membentuk Kerajaan yang diwakili oleh semua bangsa di negara kita atau National Government. Dalam konteks politik negara kita yang berbilang bangsa, langkah Barisan Nasional menubuhkan National Government ini sangatlah realistik. Rakyat keturunan China dan India yang menjadi sebahagian besar penduduk negara Malaysia mesti mempunyai wakil mereka dalam Kerajaan untuk menjaga kepentingan mereka. Oleh itu, sekiranya mereka berkehendakkan wakil mereka berada dalam Kerajaan, baik di peringkat Pusat atau Negeri, mereka hendaklah memilih calon-calon China dan India dari parti-parti dalam Barisan Nasional. Kita tidak akan mengambil calon-calon dari parti-parti lawan seperti Parti Rakyat, DAP dan Pekemas dalam Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian.

Semenjak berlakunya Trajedi 13 Mei, Kerajaan Barisan Nasional telah mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam usaha menyatupadukan rakyat berbagai kaum di negara kita. Kita telah menggubal Rukunegara yang menjadi haluan dan panduan untuk membina masyarakat yang bersatupadu. Dalam bidang politik juga, parti Perikatan telah berjaya membawa parti-parti politik yang dulunya menentanginya untuk bekerjasama dalam gabungan yang lebih luas iaitu Barisan Nasional. Perkembangan politik ini amat bersejarah dan besar maknanya kepada negara kita yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Semua ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa mengutamakan perpaduan dalam segala usahanya. Tidak syak lagi, Kerajaan adalah bersikap adil dan jujur demi kepentingan rakyat dan negara. Hakikat ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapaupun termasuklah parti-parti lawan.

Saudara-saudara sekalian.

Sebagaimana yang seringkali saya nyatakan, Kerajaan berazam hendak mewujudkan di negara ini masyarakat yang aman, tenteram dan maju di mana tiap-tiap rakyat mendapat kehidupan yang bahagia dan sempurna. Matalamat ini hanyalah dapat dicapai sekiranya rakyat dari semua kaum di negara ini memberi sokongan

yang kuat kepada Kerajaan. Dalam tempoh tujuh belas tahun ini, Kerajaan telah mendapat sokongan rakyat dan saya percaya dalam pilihanraya ini rakyat akan terus memberikan sokongan kepada Kerajaan.

Saudara-saudara sekalian.

Saya percaya dalam masa tujuh belas tahun semenjak merdeka, saudara-saudara telah matang dengan perkembangan dan pergolakan politik negara kita dan dapat membuat keputusan yang bijaksana berdasarkan hakikat-hakikat yang nyata.

Barisan Nasional telah membuktikan dengan kata-kata dan juga amalan bahawa ia merupakan satu-satunya Kerajaan yang dapat menjamin masa hadapan yang cerah dan cemerlang bagi negara kita yang dikasihi. Barisan Nasional juga menjamin masa hadapan yang cemerlang bagi saudara-saudara sekalian dan anak-cucu kita pada masa akan datang. Berdasarkan hakikat inilah, saya menyeru saudara-saudara supaya memberi mandat baru kepada kerajaan dengan memberi sokongan penuh dan mengundi Barisan Nasional.

Selamat Malam.